

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI, DATUK
HUSSEIN ONN, DIUPACARA PEMBUKAAN
BANGUNAN LEMBAGA URUSAN DAN TABONG
HAJ1, DI KOTA BAHRU, KELANTAN PADA
6HB. MAC, 1978 - JAM 10.00 PAGI.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Y.A.B. Dato' Haji Mohammed Nasir,
Menteri Besar Kelantan,
5. ~~2. 4.~~ Y.B. ~~Menteri-Menteri~~ dan Timbalan-Timbalan
Menteri
- 3 ~~A.~~ *y. B. mulia Tengku Ahmad Rithaudin*
3A. *yang Ariff Tuan Hakim Datuk Zahir*
~~3.~~ Y.B. ~~Datuk Haji Mohammed Yaacob,~~
- 4 ~~3.~~ *y. B. Datuk Setiausaha Kerajaan Kelantan*
- 2 ~~1.~~ Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd. Shamsuddin,
Pengerusi Lembaga Urusan dan Tabong Haji,
6. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada Lembaga Urusan dan Tabong Haji, terutama kepada Pengerusinya

Datuk Haji Mohd. Suhamsuddin Yaakub, kerana memberi penghormatan kepada saya, meresmikan Bangunan Tabung Haji di Kota Bahru ini.

2. Bangunan yang tersergam ini, melambangkan setapak lagi kemajuan yang telah diperolehi oleh Lembaga ini. Disamping dapat menempatkan kakitangan pejabatnya di sini, serta kemudahan yang lebih selesa, bagi umat Islam yang hendak membuat urusan dengan Lembaga ini, Bangunan ini telah dapat menyediakan tempat-tempat berniaga bagi kaum Bumiputra.

3. Kompleks Niaga Tabung Haji ini, juga merupakan kejayaan usahasama di antara dua agensi Kerajaan, iaitu Lembaga Urusan dan Tabung Haji di bawah kelolaan Kerajaan Pusat, dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, agensi Kerajaan Negeri. Sewajarnya, usahasama yang berfaedah ini, menjadi contoh yang baik kepada negeri-negeri lain. Saya harap, Kerajaan-Kerajaan Negeri dapat menimbangkan kemudahan menyediakan tapak-tapak yang sesuai, bagi Lembaga Tabung Haji membina Pejabat-pejabatnya

di Negeri dan Daerah-Daerah, dengan cara usahasama seperti ini. Inilah sebaik-baik cara, bagi melibatkan penyertaan umat Islam dalam kegiatan ekonomi negara.

4. Saya merasa amat bangga dengan usaha-usaha yang gigih, yang telah dan sedang dijalankan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji, bagi memperluaskan bidang pelaburan dan perniagaannya. Sesuai dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, sewajarnya Lembaga ini, bagi pihak umat Islam yang menjadi ahlinya, bergerak cergas dalam sebarang kegiatan ekonomi negara yang suci dan halal. Penglibatannya dalam saham dan

pelaburan syarikat-syarikat di dalam dan di luar negeri, memanglah telah banyak mendatangkan faedah dan keuntungan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

5. Saya difahamkan, Ladang Kelapa Sawit Tabung Haji di Keratong, telahpun mengeluarkan hasil. Sebuah kilang telah juga didirikan di ladang tersebut. Sebentar tadi, kita telah diberi tahu oleh Pengerusi Lembaga Tabung Haji, mengenai penubohan syarikat usahasama yang baru, iaitu

Tabung Haji dan C.H. Williams, Talha dan Wong, yang mengendalikan pengurusan Bangunan ini.

6. Sesungguhnya, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, yang telah ditubuhkan dalam tahun 1963, telah mendatangkan faedah yang amat berkesan.

Disamping dapat mentadbir dan menyediakan kemudahan, serta menjaga kepentingan dan kebajikan jemaah-jemaah Haji dari Malaysia di Tanah Suci, Lembaga ini telah dapat menolong menyelenggarakan wang penyimpan-penyimpanannya dalam kegiatan-kegiatan ekonomi negara.

7. Sunggohpun tujuan utama penubohannya dahulu ialah supaya membolehkan umat Islam di negara ini, yang ingin menunaikan fardhu Haji, menyimpan dengan secara beransur-beransur wang mereka dengan Lembaga ini, tetapi peranannya dalam kegiatan bidang ekonomi telah mencapai kejayaan yang lebih cemerlang lagi. Saya harap, lebih ramai lagi umat Islam akan menjadi ahli Lembaga ini supaya dapat bersama-sama menyertai dalam kegiatan-kegiatan ekonomi negara. Inilah sebaik-baik peluang bagi umat Islam, menikmati hasil dan

keuntungan dari kegiatan-kegiatan perniagaan dan pelaburan yang diredzai Allah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

8. Dalam bidang Urusan Haji pula, Lembaga ini telah menetapkan peraturan, dan menyediakan kemudahan bagi menjamin perjalanan Jemaan Haji ke Tanah Suci sentiasa licin dan selamat.

Setakat ini, seramai kira-kira 4,500 umat Islam, telah mendaftarkan diri bagi menunaikan Haji Tahun ini. Disamping pemergian dengan kapal terbang

Lembaga juga mengatur perjalanan dengan kapal laut.

9. Jadual penerbangan Khas Haji yang di kendalikan bersama oleh Tabung Haji dan MAS, akan diperkemaskan lagi, supaya Jemaah-Jemaah Haji dan sahabat handai yang menghantar mereka, berada dalam keadaan yang lebih selesa lagi.

Seterusnya, semada dalam perjalanan dan ketibaan di Jeddah,serta di waktu Jemaah Haji berada di Tanah Suci, perkhidmatan kebajikan dan kesihatan oleh rombongan Kebajikan Haji, dan juga rombongan

Perubatan, akan sentiasa diberikan oleh anggota dan kakitangan yang berpengalaman.

10. Permintaan Lembaga supaya pihak MAS menggunakan pesawat DC-10 untuk mengangkut Jemaah Haji pada tahun ini, adalah dalam pertimbangan. Saya berharap, MAS akan dapat mengatur jadual penerbangan pesawat DC-10nya bagi membolehkan jemaah Haji kita, menikmati keselesaan yang lebih memuaskan. Oleh kerana pada masa ini, landasan Lapangan Terbang di Pengkalan Chepa, tidak boleh menggunakan pesawat 707, apa

Iagi DC-10, maka Jemaah-Jemaah Haji dan sahabat handai dari Kelantan, yang hendak menghantar mereka, terpaksa pergi ke Subang. Walau bagaimana pun, MAS telah bersetuju mengenakan tambang istimewa daripada Pengkalan Chepa ke Subang bagi Jemaah Haji dari Kelantan, dengan menggunakan penerbangan biasa pesawat 737. Kadar tambang yang dikenakan ialah sebanyak 25% kurang daripada tambang biasa.

11. Memandangkan bertambahnya bilangan Jemaah Haji, yang menunaikan fardhu Haji dengan kapal-terbang, Lembaga Tabung Haji juga telah memulakan rancangannya untuk mendirikan sebuah Asrama Jemaah

Haji. Asrama ini akan menelan belanja sebanyak 750 ribu ringgit dan akan ditempatkan di kawasan Subang Jaya, iaitu kira-kira 3 batu daripada Lapangan Terbang Subang. Asrama itu, akan digunakan bagi menempatkan Jemaah Haji sebelum mereka menaiki kapal terbang, dan ini akan mengatasi kesulitan mendapatkan Hotel atau lain-lain tempat berihat, bagi mereka yang datang dari luar Kuala Lumpur.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

12. Saya harap, kompleks Niaga Tabung Haji di Kota Bahru ini, merupakan permulaan projek usahasama Perbadan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dengan

Lembaga Tabung Haji, dalam hasrat Lembaga ini menyediakan tempat dan kemudahan bagi kakitangan pejabat dan ahli-ahlinya. Saya difahamkan, Lembaga Urusan Tabung Haji akan membuka sebuah pejabatnya di Pasir Puteh tidak lama lagi.

13. Saya juga berharap, kompleks ini akan meningkatkan lagi kecenderongan umat Islam di negeri ini, supaya lebih ramai lagi menjadi ahli Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Kepada mereka yang telah menjadi ahli, saya berharap supaya mereka menambahkan lagi wang simpanan mereka,

SUPAYA KEUNTONGAN YANG LEBIH MENINGKAT DAPAT DI-
 PEROLSHI, DENGAN JALAN INI. DAPAT- LAH UMAT ISLAM
 BERSAMA- SAMA MENIKMATI FAEDAH DAN MUNAFAATNYA

DARI WANG SIMPANAN ^{nya itu} ~~DENGAN~~

TUAN- TUAN DAN PUAN- PUAN SEKELIAN.

13 A . TIDAK SYAK LAGI BAHAWA? PENYATUAN TENAGA DAN
 USAHA- SAMA, SAPERTIMANA YANG DI- JALANKAN DI- ANTARA
 LEMBAGA TABUNG HAJI DENGAN PERBADANAN KEMAJUAN
 IKTISAD NEGERI KELANTAN INI, ADA- LAH SEBAIK- BAIK
 CARA BAGI MEMBAWA KEMAJUAN KEPADA RAKYAT, PENYATUAN
 TENAGA, DI- ANTARA BADAN- BADAN KERAJAAN PUSAT BARISAN
 NASIONAL DENGAN AJENSI- AJENSI KERAJAAN NEGERI, SUDAH PUN
 MENJADI AMALAN DI- DALAM MASA YANG SENGKAT KERAJAAN PUSAT

BARISAN NASIONAL MENTADBIRKAN NEGERI KELANTAN.
ADA-LAH MENJADI HASRAT SAYA, MENGERATKAN LAGI
KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN INI, SUPAYA BANYAK LAGI
KEMAJUAN SAPERTI INI, DAPAT DI-PEROLEHI. SEMANGAT
INI ADA-LAH PENTING DI-PELIHARA DAN DI- KEKALKAN,
BAGI MEMBOLEHKAN SEGALA PROJEK-PROJEK BESAR DAN
KECIL, YANG TELAH DI-SEDIA DAN DI- RANCANGKAN BAGI
NEGERI KELANTAN, DAPAT DI- LAKSANAKAN DENGAN LICIN,
SERTA MENGIKUT JADUAL YANG TELAH DI- TETAPKAN.

13 B. SAYA PERCAYA, HADIRIN SEKELIAN BERSETUJU
DENGAN HAKIKAT INI, SERTA SUKA MELIHAT HASIL YANG
LEBIH MEMUASKAN DARI KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN INI,
DEMI KEPENTINGAN RAKYAT NEGERI KELANTAN. SAYA
HA RAP. SAUDARA-SAUDARA SEKELIAN DAPAT MEMBANTU

**USAHA MENGEKALKAN KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN
YANG TELAH PUN WUJUD DI- ANTARA KERAJAAN PUSAT
BARISAN NASIONAL DENGAN KERAJAAN NEGERI, DENGAN
MEMBERIKAN KEYAKINAN DAN KEPERCAYAAN SAUDARA-
SAUDARA SEKELIAN KEPADA PARTI BARISAN NASIONAL**

13 C. DALAM TEMPOH MASA KERAJAAN PUSAT BARISAN NASIONAL

**MENTADBIR NEGERI KELANTAN INI, RAKYAT NEGERI INI
TELAH DAPAT MENYAKSIKAN DENGAN MATA SENDIRI.**

**SERTA MENILAIKAN USAHA-USAHA YANG TELAH DI-JALANKAN
OLEH BARISAN NASIONAL, BAGI MENINGKATKAN KEMAJUAN
SERTA MEMBAWA KEMAKMORAN DAN KEBAHAGIAN KEPADA
RAKYAT. SOAL-SOAL POLITIK TELAH DI-KURANGKAN,
SEMENTARA RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN DI-
PERGIATKAN. SESUNGGOHNYA, MULAI TAHUN 1974,**

RAKYAT KELANTAN TELAH BERADA DI- PERSIMPANGAN
JALAN DAN DENGAN SEBULAT SUARA TELAH MEMILEH
JALAN KEARAH KEMAJUAN, KEADILAN, DAN KEMAKMORAN.
MEREKA SEHARUSNYA-LAH MENERUSKAN PERJALANAN
MEREKA, DENGAN MARA KEHADAPAN DI-BAWAH NAUNGAN
BARISAN NASIONAL. BAGI MEMPASTIKAN SUPAYA
KECICIRAN YANG TELAH BERLAKU DI-MASA-MASA YANG
TELAH LALU ITU, TIDAK BERULANG LAGI.

13 D. SAYA BERDO'A KE'HADRAT ALLAH SUBHANAHU
WATALLA, AGAR DI-BERI PETUNJOK KEPADA SEKELIAN
RAKYAT KELANTAN, SUPAYA MEREKA DAPAT MEMILEH
JALAN YANG BENAR DAN YANG LEBIH SELAMAT, YANG BOIEH
MEMBAWA MEREKA KEPADA KEMAJUAN DAN KEMAKMORAN YANG
LEBIH BERLIPATGANDA LAGI, DALAM TAHUN-TAHUN YANG

14 D

AKAN DATANG, SQKONG DAN PILEH- LAH CALUN-CALUN

BARISAN NASIONAL PADA 11HB MAC INI.

14. AKHIRNYA, SAYA SEKALI LAGI MENGUCAPKAN

TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK, YANG TELAH

BERSAMA-SAMA MENJAYAKAN MAJLIS INI. SEMOGA ALLAH

MELINDUNGI SEKELIAN YANG TINGGAL DAN

BEKERJA DI-DALAM KOMPLEKS INI, SERTA MEMBERIKAN

BERKAT DAN KEUNTONGAN KEPADA SETIAP SYARIKAT YANG

MENJALANKAN PERNIAGAAN DI- DALAM NYA.

... 15/-

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

15. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya mengisytiharkan Bangunan Kompleks Niaga Tabung Haji ini, dibuka dengan resminya.

Terimakasih.



No Siri 348
No Penerimaan 146/80